



Kepada Semua Pegawai Pengawal,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BIL. 1 TAHUN 2010**

PENGURUSAN BAJET TAHUN 2010

Tujuan

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Pegawai Pengawal dalam menguruskan bajet tahun 2010 di jabatan masing-masing.

Anggaran Perbelanjaan Tahun 2010

2. Waran Am Bil. 1 Tahun 2010 bertarikh 15 Disember 2009 telahpun dikeluarkan bagi membolehkan wang berjumlah RM404,019,795 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan Mengurus seperti berikut:

- i. Sejumlah RM34,865,510 di bawah Maksud Tanggungan; dan
- ii. Sejumlah RM369,154,285 untuk perbelanjaan Bekalan seperti mana yang diluluskan oleh Enakmen Perbekalan Jil. 53 No. 23 bertarikh 5 November 2009.

3. Bagi perbelanjaan Pembangunan, pengeluaran daripada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM379,773,991 telah diluluskan melalui

Waran Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bil. 1 Tahun 2010 bertarikh 15 Disember 2009, bertujuan untuk membiayai perbelanjaan bagi Maksud dan Butiran yang dinyatakan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2010.

Tanggungjawab Pegawai Pengawal

4. Kerajaan Negeri telahpun melantik Ketua Jabatan secara rasmi sebagai Pegawai Pengawal kepada peruntukan jabatan masing-masing. Tanggungjawab Pegawai Pengawal ke atas pengurusan kewangan sesebuah jabatan juga ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] Seksyen 15A, di mana Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan kewangan jabatan masing-masing.

5. Y.A.B. Ketua Menteri dalam membentangkan Bajet Tahun 2010 di Dewan Undangan Negeri pada 30 November 2009 lalu memberi penekanan khusus kepada amalan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) dalam penyampaian perkhidmatan, terutamanya dalam pengurusan kewangan yang melibatkan wang rakyat.

6. Kerajaan Negeri dalam tahun 2010 akan meneruskan dengan tiga (3) teras pembangunan ekonomi yang telah digariskan dalam tahun 2009 lalu iaitu merencanakan pertumbuhan ekonomi (*pro-growth*), mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*pro-jobs*) dan menjamin keadilan sosio-ekonomi (*pro-poor*), dengan memberikan keutamaan kepada pelaburan dalam sektor pendidikan. Bagi merealisasikan kejayaan strategi pembangunan Kerajaan Negeri ini maka ianya memerlukan kepada gandingan perkhidmatan awam sebagai pemangkin dengan kerjasama sektor swasta. Oleh itu peranan Pegawai Pengawal lebih tercabar dan perlu melaksanakan kewajipan dan

peranan secara holistik dengan berteraskan kepada prinsip urus tadbir CAT dan kepimpinan berintegriti.

7. Sejalan dengan ekspektasi kepimpinan berkualiti, Kerajaan Negeri juga mengharapkan kepada anggota perkhidmatan awam yang kompeten, yang mempunyai *multi skills*, kreatif dan inovatif dan berfikiran secepat serta memiliki 3i iaitu *integrity*, *intelligence* dan *international* dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Justeru itu penyampaian perkhidmatan hendaklah memberi tumpuan kepada kecekapan, ketepatan, kepantasan, kewibawaan dan kualiti perkhidmatan yang setanding bagi merealisasikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri antarabangsa.

Pungutan Hasil

8. Prestasi pungutan hasil sebenar negeri bagi tahun 2008 adalah memuaskan di mana jumlah kutipan hasil sebenar lebih tinggi daripada anggaran hasil yang dijangkakan. Prestasi yang sama juga telah direkodkan dalam pungutan hasil negeri tahun 2009. Mengambil kira rekod kutipan hasil yang memuaskan dalam tahun 2008 dan 2009, maka semua Pegawai Pengawal diminta untuk terus melipatgandakan usaha mengutip hasil semasa dan juga tunggakan hasil, supaya dapat mengekalkan rekod prestasi kutipan hasil yang baik yang telah dicapai dalam dua (2) tahun kebelakangan ini. Keupayaan jabatan-jabatan untuk mengutip tunggakan hasil dan melaksanakan langkah-langkah mengurangkan tunggakan hasil juga diberi perhatian serius bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri tetapi juga oleh pihak Audit.

Peruntukan Mengurus

9. Peruntukan Mengurus bagi tahun 2010 akan dikeluarkan sekali gus kepada Pegawai Pengawal pada awal Januari tahun 2010 secara *online*.

Pegawai Pengawal seterusnya hendaklah mengagihkan kepada cawangan/bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing melalui waran peruntukan kecil secara *online*. Garis panduan berkaitan pengeluaran waran peruntukan kecil seperti dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 10 Tahun 2008 bertarikh 13 Jun 2008 adalah masih terpakai. Pengeluaran waran peruntukan kecil tidak melepaskan Pegawai Pengawal daripada tanggungjawab pengurusan kewangan dan kawalan. Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan membuat pemantauan yang kerap dari semasa ke semasa ke atas setiap waran peruntukan kecil yang telah dikeluarkan kepada PTJ masing-masing bagi memastikan peruntukan yang telah diagihkan itu dibelanjakan dengan segera dan secara kos efektif, disamping mengenal pasti lebih peruntukan yang tidak dibelanjakan serta penjimatan untuk diagihkan kepada aktiviti lain yang memerlukan.

10. Pegawai Pengawal diberi kuasa membuat pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus di antara aktiviti bagi Objek Am 20000: Perkhidmatan dan Bekalan sahaja. Bagi Objek Am selainnya perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga perlu memastikan peraturan-peraturan berkaitan pindah peruntukan seperti ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 10 Tahun 2008 dipatuhi sepenuhnya. Tindakan ini perlu bagi mengelak berlakunya proses pindah masuk dan pindah keluar bagi objek sebagai dalam aktiviti yang sama dan juga mengelakkan berlakunya peruntukan yang telah dipindah masuk tidak dibelanjakan langsung, yang memberi gambaran wujudnya kelemahan perancangan dalam pengurusan kewangan sesebuah jabatan.

11. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2009 bertarikh 20 Februari 2009 yang memberi kelulusan kepada Pegawai Pengawal ke atas pembelian aset baru bagi menggantikan butiran aset yang diluluskan dalam bajet adalah ditarik balik. Ini ialah kerana terdapat beberapa jabatan yang telah menyalah guna kelonggaran yang diberi dan membuat penggantian aset

secara menyeluruh. Perkara ini telah berbangkit menerusi penemuan oleh pasukan naziran dan juga semasa semakan bajet. Sehubungan dengan itu, bagi cadangan pembelian aset baru sebagai gantian kepada butiran aset yang diluluskan dalam bajet atau cadangan mengguna penjimatan bagi pembelian aset baru perlu dirujuk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

12. Pegawai Pengawal perlu merancang perbelanjaannya dan mengelak penggunaan peruntukan secara *ad hoc* untuk tujuan lain. Langkah-langkah bagi memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri seperti mana dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 11 Tahun 2008 bertarikh 30 Jun 2008 adalah masih terpakai dan pengecualian kepada ketetapan ini perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri. Pegawai Pengawal juga perlu meneruskan amalan perbelanjaan berhemah dan *optimal value for money* dalam semua urusan kewangan jabatan.

Peruntukan Pembangunan

13. Waran peruntukan Pembangunan akan dikeluarkan sepenuhnya secara *online* melalui SPEKS pada Januari tahun 2010. Projek-projek pembangunan yang dirancang dalam tahun 2010 telahpun disemak awal dan mendapat persetujuan Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK yang berkaitan, dan Pegawai Pengawal perlulah membuat laporan berkala kepada Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK akan kemajuan pelaksanaan projek pembangunan terlibat.

14. Peruntukan Pembangunan tahun 2010 meningkat sebanyak 104.13% berbanding tahun 2009. Ini ialah kerana keperluan untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi memberangsangkan ekonomi negeri demi menjamin kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Projek-projek pembangunan yang dirancang adalah berfokus kepada *people centric* dan yang memberi

kesan penggandaan tinggi (*multiplier effect*). Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal dikehendaki merancang pelaksanaan projek mengikut keutamaan, menggunakan kaedah *Key Performance Indicators*, mengawal perbelanjaan berasaskan prinsip akauntabiliti dan mematuhi kepada peraturan dan ketetapan kewangan serta mengadakan pemantauan yang lebih rapi dalam pengurusan projek supaya mencapai objektif penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran dan memberi impak positif.

15. Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008: Pelaksanaan Sistem ePerolehan di Negeri Pulau Pinang, Bil. 2 Tahun 2009: Pengurusan Projek Yang Ditawarkan oleh Jabatan, Badan Berkanun Negeri dan PBT, dan Bil. 4 Tahun 2009 berkaitan kenaikan harga minima projek bagi skop pelaksanaan sistem ePerolehan adalah masih terpakai demi memperkukuhkan tahap akauntabiliti dalam pelaksanaan projek dan pengurusan wang awam.

16. Bagi jabatan-jabatan yang mengeluarkan waran peruntukan kecil untuk pelaksanaan projek, tanggungjawab untuk memastikan projek tersebut disiapkan mengikut jadual masih terletak dengan Pegawai Pengawal. Bagi jabatan yang mendapat pembiayaan persekutuan dan negeri, sekiranya terdapat penjimatan daripada peruntukan negeri maka tindakan segera hendaklah diambil untuk memindahkan penjimatan tersebut kepada projek lain yang lebih memerlukan, supaya prestasi perbelanjaan yang tinggi dapat dikekalkan di samping memberi pulangan/faedah yang lebih maksimum kepada kumpulan sasaran.

Pengurusan Aset

17. Bagi jabatan yang disediakan peruntukan di bawah Objek Am 30000 hendaklah segera menguruskan perolehan kerana kelulusan peruntukan adalah berasaskan kepada justifikasi keperluan jabatan. Pegawai Pengawal

hendaklah memastikan perbelanjaan adalah berdasarkan senarai aset, kadar harga dan kuantiti yang telah diluluskan dalam sesi pemeriksaan bajet 2010. Sekiranya berbangkit keperluan untuk menukar butiran aset yang diluluskan atau mengguna penjimatan untuk perolehan aset baru, permohonan yang lengkap dengan justifikasi hendaklah dikemukakan kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Perolehan aset hendaklah diuruskan selewat-lewatnya dalam suku tahun ketiga tahun 2010. Peraturan dan ketetapan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007: Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Sistem SPEKS Modul Aset hendaklah dijadikan panduan dalam pengurusan aset di jabatan.

Bayaran

18. Pulau Pinang adalah antara negeri yang berjaya memproses bayaran dalam jangka masa yang singkat. Kawalan ke atas proses pembayaran perlu sentiasa dipantau bagi memastikan tidak berlakunya penyingkatan kepada proses pembayaran ini ataupun salahguna kuasa yang boleh menimbulkan kepada manipulasi dan penyelewengan wang awam. Mengikut amalan terbaik pengurusan kewangan, proses pembayaran perlu melibatkan kepada penyedia, penyemak dan pelulus yang berbeza dan ketetapan ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan dipantau oleh jabatan.

19. Bagi memantau kecekapan dan keberkesanan berkaitan urusan bayaran bil dan bagi mengelak AP 58(a), semua Pegawai Pengawal perlu memastikan Daftar Bil sentiasa dalam keadaan yang kemaskini serta dibuat pemeriksaan dari semasa ke semasa. Selain daripada itu tanggungan-tanggungan seperti utiliti, sewaan dan kontrak hendaklah dipantau supaya bayaran dapat disegerakan.

Pemerhatian Audit

20. Pemerhatian Audit bagi tahun 2008 mendapati bahawa pada keseluruhannya pengurusan kewangan negeri adalah memuaskan terutama berkaitan dengan penyediaan bajet Kerajaan Negeri, kawalan kutipan hasil, pengurusan pinjaman dan pengurusan Akaun Amanah Negeri. Namun demikian pengauditan yang dijalankan di peringkat jabatan mendapati masih terdapat beberapa kelemahan yang berpunca daripada peraturan dan prosedur kewangan tidak dipatuhi dengan sepenuhnya, penyeliaan yang kurang rapi dan penguatkuasaan serta pemantauan yang kurang berkesan. Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan di peringkat jabatan, naziran oleh Jabatan Kewangan Negeri akan dibuat secara berkala pada tahun 2010.

21. Keprihatinan Pegawai Pengawal dalam mengenalpasti dan mengetengahkan masalah-masalah pengurusan kewangan di peringkat awal amat diharapkan, terutamanya berkaitan teguran-teguran Audit yang perlu diperbaiki dan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Tarikh Kuatkuasa

22. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2010**.

Sekian, terima kasih.

' CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS '
' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,

[DATO' FARIZAN BIN DARUS]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : Disember 2009

s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan
Pulau Pinang.